

Nota:

Semua maklumat dan kenyataan di dalam risalah ini disediakan berdasarkan kepada peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang mengandungi segala pindaan hingga 1 April 2005. Tulisan berwarna merah adalah fakta tambahan.

SENARAI RISALAH YANG BERKAITAN

001	Apakah Rancangan Pemajuan?
002	Kebenaran Merancang
003	Mengapa Perlu Laporan Cadangan Pemajuan?
004	Bagaimana Menggunakan Kebenaran Merancang?
005	Penguatkuasaan Perancangan Bandar
006	Caj Pemajuan
007	Lembaga Rayuan Perancangan Bandar
008	Notis Rekuisisi (Permintaan)
009	Notis Pembelian
010	Tahukah Anda Pokok Mempunyai Hak?
011	Warisan Senibina dan Kepentingan Sejarah
012	Garis Panduan dan Piawai Perancangan
013	Senarai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) di Semenanjung Malaysia
014	Mengenali Perancangan Bandar dan Desa
015	Siapa Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) Anda?
016	Apakah Pembangunan Mampan?
017	Local Agenda 21
018	Apakah Peranan Awam dalam Penyediaan Rancangan Pemajuan?
019	Undang-Undang Perancangan Bandar

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

Bahagian Perundangan, Perancangan dan Kawal Selia
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMENANJUNG MALAYSIA
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jalan Cenderasari
50646 Kuala Lumpur
Tel: 603-2698 9211 Fax: 603-2698 7371
www.townplan.gov.my

tahukah anda POKOK MEMPUNYAI HAK?



Kenapa Pokok Perlu Perlindungan?

- ❑ Pokok merupakan aset semulajadi dan menjadi tanggungjawab setiap individu untuk memeliharanya. Tujuan pemeliharaan adalah bagi menjamin sumber **alam semula jadi** bagi generasi akan datang untuk sama-sama menikmatinya.
- ❑ Bahagian VA Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) memberi perlindungan khas kepada pokok-pokok matang untuk memastikan ianya tidak ditebang dan sistem ekologi semasa sesuatu kawasan dapat dikekalkan.
- ❑ Seksyen 35A memberi kuasa pada pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) untuk mengeluarkan perintah pemeliharaan pokok yang terancam kepupusan atau yang mempunyai nilai-nilai istimewa.

Penguatkuasaan Sesuatu Perintah Pemeliharaan Pokok

- ❑ Subseksyen 35A(3) membolehkan seseorang itu menebang pokok yang tertakluk kepada sesuatu perintah pemeliharaan pokok:
 - » Bagi pokok yang hampir mati atau telah mati;
 - » bagi mencegah bahaya yang hampir benar berlaku; atau

- » jika ia dilakukan sebagai mematuhi mana-mana undang-undang bertulis.

Apakah Hak Pokok?

- ❑ Subseksyen 35H(1) memperuntukkan perlindungan khas kepada pokok yang lilitannya **melebihi 0.8 meter** tidak boleh ditebang kecuali dengan izin PBPT.
- ❑ Penebangan pokok yang dibenarkan hendaklah diberi secara bertulis oleh PBPT.
- ❑ PBPT juga boleh mensyaratkan mana-mana pokok yang ditebang perlu digantikan dengan penanaman semula.
- ❑ Langkah penanaman semula adalah sebagai alternatif supaya larangan ini tidak dilihat sebagai menyekat aktiviti pembangunan.

Apa Takrif Merosakkan Pokok?

- ❑ Merosakkan atau memusnahkan pokok termasuklah:
 - » Aktiviti mengguris, mengopek, memaku, mengecat, meracun, membakar, menebuk, menampal, menakek, menakuk, mengikat, dengan dawai dan menoreh sepanjang lilitan pokok serta lain-lain aktiviti yang boleh mencedera dan mencacatkan pokok berkenaan.

Pokok yang Bagaimana Perlu Dilindungi?

- ❑ Pokok yang diancam kepupusan:
 - » **Rare**
Pokok yang disenaraikan dalam spesies pokok yang jarang ditemui tetapi mempunyai jumlah yang masih terkawal.
 - » **Endemic**
Pokok yang disenaraikan dalam spesies pokok yang hanya didapati di tempat-tempat tertentu.
 - » **Endangered**
Pokok yang disenaraikan dalam spesies pokok yang sukar ditemui dan jumlah yang semakin berkurangan.
- ❑ Pokok yang mempunyai nilai istimewa:
 - » **Nilai Tersendiri**
Spesies pokok yang mempunyai keindahan semulajadi atau mempunyai nilai estetik tempatan atau sebagai penghadang fizikal terhadap pemandangan yang buruk atau lain-lain nilai.
 - » **Nilai Sejarah**
Spesies pokok yang terdiri daripada mana-mana spesies pokok yang tumbuh atau ditanam sempena sesuatu upacara dan mempunyai kaitan dengan nilai sejarah.
 - » **Tanaman Kenamaan**
Spesies pokok yang ditanam oleh pemimpin negara dan orang kenamaan sempena sesuatu upacara yang mempunyai kepentingan negara.

- ❑ Pokok yang berada di dalam kawasan perlindungan.
- ❑ Semua spesies yang telah ditakrifkan dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai pokok yang terletak di dalam kawasan yang diisytiharkan kawasan hutan simpan, kawasan tadahan air, kawasan pemeliharaan bukit dan lain-lain.



Adakah Semua Pokok Mempunyai Perlindungan Undang-Undang?

- ❑ PBPT tidak digalakkan untuk membuat perintah pemeliharaan terhadap pokok-pokok daripada jenis:
 - » Pokok tanaman komersil;
 - » pokok buah-buahan;
 - » pokok yang hampir mati atau telah mati; dan
 - » pokok yang tumbuh pada atau berdekatan dengan utiliti yang boleh:

- ✓ Menghalang atau mengganggu pemasangan, penyelenggaraan atau kerja-kerja lain yang berkaitan dengan utiliti; atau
- ✓ menjadi punca yang boleh mengancam nyawa dan harta benda.

- ❑ **Kepentingan memelihara pokok:**
 - » Memberi sumbangan penting kepada kualiti alam persekitaran; dan
 - » tambahan elemen yang boleh mencantikkan alam persekitaran.

Anda Boleh Didakwa dan Didenda kerana Merosakkan Pokok?

- ❑ Subseksyen 35A(4) memperuntukkan seseorang yang melanggar peruntukan perintah pemeliharaan pokok, boleh didakwa jika sabit kesalahan dan boleh dikenakan denda sehingga **RM100,000.00** atau penjara sehingga **enam (6) bulan** atau kedua-duanya.
- ❑ Subseksyen 35E(1) memperuntukkan seseorang yang didapati bersalah kerana menebang mana-mana pokok di bawah perintah pemeliharaan pokok, boleh dikehendaki menggantikan pokok itu dengan menanam suatu pokok yang lain:
 - » **Daripada saiz dan spesies yang sesuai;**
 - » **di tempat yang sama atau berdekatan dengan tempat yang sama atau tempat lain;**

- » dalam tempoh masa yang ditentukan; dan
- » tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat PBPT.

- Subseksyen 35H(3) memperuntukkan pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter jika ditebang oleh seseorang tanpa kebenaran PBPT boleh didenda tidak melebihi daripada **RM10,000** atau dipenjarakan tidak melebihi **tiga (3) bulan** atau kedua-duanya.

